



Laporan Rasmi Tugas Di Luar Negara



**Status Laporan

Am

Rahsia

Sulit

Terhad

A BUTIRAN PESERTA (sila tambah jika berkaitan)

***MENGHADIRI MESYUARAT/PERSIDANGAN/SEMINAR/LATIHAN/KURSUS**

Nama : HAZRINA SALLEH
Jawatan : PENOLONG PENGARAH KANAN
Bahagian Ibu Pejabat : BAHAGIAN PENGUATKUASA, JAS IBU PEJABAT
Negeri PUTRAJAYA

Nama : SHAZANA MOHD IBRAHIM
Jawatan : PENOLONG PENGARAH
Bahagian Ibu Pejabat : EIMAS, JAS IBU PEJABAT
Negeri : PUTRAJAYA

B BUTIRAN MESYUARAT/PERSIDANGAN/SEMINAR/LATIHAN/KURSUS

NAMA KURSUS : The 9th International Climate and Environment
Fair Conference
TARIKH : 6th ~ September 7th, 2016
TEMPAT : Kim DaeJung Convention Center, Kwang-Ju City
PENGANJUR : Gwangju city dan JeollaNamdo
PENAJA : Kerajaan Korea (Ministry of Environment)

C OBJEKTIF MESYUARAT/ PERSIDANGAN/ SEMINAR/ LATIHAN/KURSUS

1. Perkongsian maklumat perkembangan peraturan dan penguatkuasaan
2. Pendedahan kepada strategi penguatkuasaan berkesan
3. Mengenalpasti polisi dan teknologi terkini kawalan pencemaran

D ISI KANDUNGAN MESYUARAT/ PERSIDANGAN/ SEMINAR/ LATIHAN/KURSUS
(Nyatakan tajuk- tajuk utama syarahan, taklimat dan lawatan yang diadakan dan sertakan kertas projek/ laporan yang ditulis.)

- i. 9 syarikat dan organisasi Korea telah berkongsi pengalaman dan maklumat dengan pegawai JAS seperti berikut:
 - i). **Gamsung** – memperkenalkan skrin nano teknologi yang mampu untuk menapis ultra-fine dust.
 - ii). **GRIMM**- memperkenalkan system pengukuran dan pengawasan secara berterusan bagi kualiti udara. Beberapa alat monitoring baru diperkenalkan termasuk EDM 11-E dan EDM 107. Antar kelebihan alat tersebut adalah boleh memantau PM 2.5 secara berterusan.
 - iii). **SEIKOW CHEMICAL ENGINEERING** – memperkenalkan teknologi kawalan pencemaran udara iaitu scrubber yang boleh merawat pelepasan VOC dengan penggunaan material yang tahan karat. Terdapat beberapa jenis peralatan Kawalan yang dipamerkan seperti Biological Deodorizer dan juga Mist Separator.
 - iv). **IOREX**- memperkenalkan teknologi bagi pengawalan pengaratan dan menghalang pembentukan scale pada paip saluran air sekaligus memanjangkan hayat penggunaan paip yang dipasang. Sesuai digunakan bagi industri air minuman dan juga industri yang menghasilkan produk sensitif
 - v). **MICROMAX** – memperkenalkan kaedah pembersihan air yang tercemar dengan memudahkan proses pelupusan yang rumit dan dengan menggunakan perkara yang berpandu semula jadi dan dengan menguraikan bahan-bahan pencemar dengan bakteria thermophilic aerobik tanpa menggunakan bahan kimia seperti alum dan sebagainya.
 - vi). **SUNTECH ENGINEERING** – memperkenalkan Water Quality Analyzer Aqua2000 Series bagi pengukuran kualiti air dan sistem pemantauan. Antara produk yang diperkenalkan adalah Multi-parameters Water Quality Analyzer yang boleh membuat pengukuran secara atas talian

bagi parameter pH, kekeruhan, konduktiviti, suhu, dan residual chlorine.


- vii). **DAEYOUNG CO. LTD.** – Intelligent Water Management Automation System diperkenalkan untuk pengurusan sumber air melalui integrasi teknologi komunikasi dan sumber elektrik.

- viii). **MIRAE INDUSTRY CO. LTD.** - memperkenalkan perangkat minyak untuk menapis lemak, minyak dan gris yang dilepaskan daripada restoran dan dapur. Sistem ini menahan lemak, minyak dan gris daripada memasuki saluran kumbahan.

- ix). **JEOLLANAM-DO ENVIRONMENTAL INDUSTRIES PROMOTION INSTITUTE (JEIPI)** - Kemudahan makmal di JEIPI terdiri daripada makmal-makmal berikut:-
 - a. *General Chemistry Laboratory*
 - b. *Inorganic Analysis Laboratory*
 - c. *Organic Analysis & Environmental Image Analysis Laboratory*

ii. Berikut adalah gambar-gambar semasa persidangan ini diadakan:





E FAEDAH YANG DIPEROLEHI

- i. Perkongsian pengalaman dan maklumat berhubung teknologi kawalan pencemaran pelepasan air, strategi industri hijau kepada industri kecil dan sederhana, perubahan iklim dan penguatkuasaan pendekatan *Guided Self Regulation*.
- ii. Melawat ke Jeollanam-do Environmental Industries Promotion Institute (JEIPI) sebuah institut penyelidikan kebangsaan yang menjurus kepada penyelidikan alam sekitar. JEIPI dilengkapi dengan pusat pengukuran dan analisis, raw water resevoir, BMP device, dan juga *test facility*.
- iii. Lawatan ke ASEAN Culture Center (ACC) mendedahkan semua peserta terhadap Pembangunan Korea dan negara-negara Asian yang lain.
- iv. Persidangan ini merupakan satu platform yang penting bagi semua stakeholder untuk kumpul bersama memperoleh informasi, pengetahuan dan pengalaman mengenai teknologi-teknologi sedia ada dan terkini yang kreatif dan inovatif di serantau dunia. Stakeholder juga berkesempatan untuk membuat perbandingan dan penilaian kesesuaian teknologi untuk diaplikasikan di dalam negaranya masing-masing. Hasil daripada ini, didapati bahawa JAS amat memerlukan peningkatan *capacity building* dari segi *Research & Development (R&D)* yang bertaraf antarabangsa. Kepakaran dari segi R&D adalah sangat penting untuk *high income nation* bagi menentukan daya ketahanan (*resilient*) dalam pembangunan lestari dan perlindungan alam sekitar. JAS harus mengadakan program R&D bagi pembangunan sistem penguatkuasaan pendekatan *Guided Self-Regulatory (GSR)* yang bukan saja boleh memudahkan proses penguatkuasaan, namun ia juga boleh mengubah minda rakyat negara ke arah pematuhan sendiri terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

F TINDAKAN SUSULAN JABATAN/NEGARA.

Tiada apa-apa tindakan susulan

Disediakan oleh: **Hazrina Salleh**
Penolong Pengarah Kanan

Shazana Mohd Ibrahim
Penolong Pengarah

Tarikh: **18 September 2017**

****PENGESEAHAN OLEH KETUA JABATAN – KESESUAIAN UNTUK SEBARAN**

Awam

JAS Sahaja

Rahsia/Sulit/Terhad

Tandatangan :

Nama :

Cop Jabatan :

PENGESEAHAN PENERIMAAN

1. Unit Latihan, Seksyen Sumber Manusia, JAS
2. Seksyen Antarabangsa, Bahagian Komunikasi Strategik, JAS
3. Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, NRE